

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 18 MEI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	SKANDAL BUAH BRAZIL, MUKA DEPAN, UM -1 DITIPU JANJI GUARANA, DALAM NEGERI, UM -2 LARANG IMPORT SELAGI TIDAK IKUT SYARAT, DALAM NEGERI, UM -2 SYARIKAT DAKWA DAPAT PERMIT IMPORT BENOH GUARANA, DALAM NEGERI, UM -3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6.	DUA BOT NELAYAN TUNDA PUKAT LUAR ZON DITAHAN, SENTRAL, BH -68 PADAH TANGKAP IKAN TANPA LESEN, KLANG, SH -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	LUMPUR SEKAT REZEKI NELAYAN, MUKA DEPAN, BH -1 MUARA CETEK HALANG LALUAN BOT, EKSKLUSIF, BH -12 NELAYAN REDAH LUMPUR BERDEPAN RISIKO ENJIN ROSAK, EKSKLUSIF, BH -13	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
10.	AGROBANK TURUNKAN BR, BFR, BISNES, SH -43	AGROBANK
11. 12. 13. 14. 15. 16.	80 PADDY FARMERS GATHERED IN PROTEST AGAINST ABUSED BY RICE TRADER, CENTRAL, CHINA PRESS -C3 PROTEST FROM SEKINCHAN FARMERS, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B2 SIM TO HELP ON THE FARMERS, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B3 GALAK RAKYAT GUNA KAEDAH PENANAMAN DAN PENTERNAKAN SECARA AKUAPONIK, NEWS, SABAH NEWS TODAY -9 KREATIF JAGA TANAMAN, DEKO TAMAN, HM -65 TEKNIK PENGAIRAN SENDIRI DICADANG, DEKO TAMAN, HM -66	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Petani ditipu serah tanah

# SKANDAL BUAH BRAZIL

➤ Ratusan petani di lima negeri dipercayai jadi mangsa penipuan.

➤ Diperdaya menyertai pembangunan tanaman guarana dari Brazil.

➤ Benih itu sebenarnya tidak dibenar masuk oleh kerajaan.

➤ Ditawar buka tanah dengan balasan dapat biji benih guarana secara percuma.

➤ Dijanjikan keuntungan cecah jutaan ringgit.

**BERITA DI MUKA 2 & 3**





Datuk guna taktik licik manipulasi tanah orang kampung

## Ditipu janji guarana

Oleh ZULHILMI ZAINAL dan  
HADI AB. MANAP

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MEI

**R**ATUSAN petani di beberapa buah negeri dipercayai menjadi mangsa penipuan seorang individu bergelar 'Datuk' menerusi tawaran membangunkan tanaman guarana.

Petani yang sebelum ini mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak kini kebingungan selepas ladang guarana yang diusahakan itu masih tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

Pengimportan biji benih oleh syarikat Datuk berkenaan masih 'tergantung' atau berstatus tidak dibenarkan walaupun ia telah diperkenalkan sejak tujuh tahun lalu dan tawaran demi tawaran

untuk pembukaan tanah tetap berjalan rancak.

Lebih membimbangkan, akibat kurangnya pendedahan berhubung status dan permasalahan tanaman berkenaan tetapi dijanjikan pula 'bulan bintang', maka duit simpanan serta ratusan hektar tanah milik penduduk kampung terus menjadi 'cagaran' untuk menjayakan projek tersebut.

Menurut seorang sumber yang mengenali orang kenamaan terbabit, taktik bagi mempengaruhi fikiran masyarakat luar bandar memang dirancang rapi.

"Manipulasi penggunaan tanah pertanian bagi menarik 'duit besar' (pendapatan lumayan) di samping menambahkan keyakinan petani berhubung potensi tumbuhan itu merupakan agenda licik Datuk berkenaan.

"Mereka (petani) ditawarkan membuka berekar-ekar tanah

dengan balasan akan mendapat biji benih guarana secara percuma selain dijanjikan keuntungan hasil mencecah jutaan ringgit," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Walaupun bagaimanapun, pembangunan guarana yang dikelola syarikat milik Datuk terbabit boleh dikatakan tidak ke mana malah langsung tidak memberi tambahan pendapatan malah mungkin lebih merugikan petani.

"Datuk itu gunakan kesempatan kejatuhan harga komoditi getah dan sawit sebagai 'tiket' untuk memperkenalkan tanaman guarana ke seluruh ceruk kawasan luar bandar," ujarnya.

Lebih mengejutkan, bukan sahaja petani, seorang individu berpangkat Datuk di Negeri Sembilan juga disyaki menjadi mangsa manipulasi tanah untuk tanaman serupa.

## Larang import selagi tidak ikut syarat

**KUALA LUMPUR 17 Mei** - Larangan mengimport biji benih guarana masih berkuat kuasa selagi syarikat tunggal yang mahu membangunkan tanaman itu di negara ini tidak mematuhi beberapa prosedur Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

Timbalan Pengarah Bahagian itu, Datin Jatih Aliah Timin berkata, maklum balas pihaknya terhadap permohonan syarikat itu adalah berstatus 'tidak dibenarkan' sehingga kesemua syarat dipenuhi selengkapnya.

"Kelulusan pengimportan tertakluk kepada beberapa syarat antaranya pemeriksaan *Verification of Compliance* (VOC)

serta rawatan kuarantin di Brazil dan negara transit (negara bukan pengeluar getah) selaras dengan garis panduan standard antarabangsa (ISPM 20).

"Mereka juga perlu ada sijil fitosanitasi (PC) dari negara asal (Brazil) dan sijil eksport semula dari negara transit atau ketiga," katanya dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Selain itu, Jatih Aliah menegaskan, syarikat berkenaan tidak ketinggalan perlu melalui



JATIH ALIAH TIMIN

pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai pemeriksa atau penguat kuasa di pintu-pintu masuk seluruh negara.

Bagaimanapun, sehingga kini, pihak syarikat terbabit masih gagal memberi maklum balas persetujuan bertulis berhubung prasyarat yang dinyatakan dalam surat terdahulu.

"Mereka yang melanggar syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Maqis 2011 serta Akta Kuarantin Tumbuhan 1976," tegasnya lagi.



18/5/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Syarikat dakwa dapat permit import benih guarana

**KUALA LUMPUR 17 Mei** - Syarikat yang dikepalai oleh seorang 'Datuk' mendakwa perusahaannya itu telah mendapat kelulusan penuh bagi mengimport biji benih guarana pada hujung Februari lalu.


Kenyataan terbaharu syarikat itu mendakwa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Pengarah Jabatan Biosekuriti Tumbuhan telah pun meluluskan kemasukan biji benih tumbuhan berkenaan pada 25 Februari lalu.

"Itu kelulusan terkini bagi membawa masuk biji benih guarana ke negara ini. Sebelum ini, Jabatan Pertanian Sarawak dan Sabah turut meluluskan permohonan permit berkenaan pada bulan Mei dan Ogos tahun 2018," kata kenyataan yang dimuat naik oleh di laman Facebook bertarikh 7 April lalu.

Syarikat itu juga mendakwa, kerajaan Brazil memberikan hak kepada syarikat berkenaan bagi kerja-kerja membawa keluar biji serta anak benih guarana demi perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) penghasilan produk.

Bagaimanapun, memetik laporan *Bernama* dan sebuah portal bertarikh 20 Mac dan 23 April lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah dan Jabatan Pertanian negeri menafikan telah membenarkan penanaman guarana di negeri itu, selain tidak pernah menerima sebarang permohonan permit import untuk tujuan tersebut.

"Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian tidak pernah meluluskan permohonan permit mengimport benih guarana ke Sabah. Oleh itu, sebarang



**KENYATAAN** kelulusan membawa masuk biji benih guarana oleh Jabatan Pertanian melalui Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Sarawak dan Sabah.

penanaman guarana di Sabah merupakan kemasukan benih secara haram," kata menteri yang berkenaan, Junz Wong.

"Buat masa ini, guarana tidak termasuk dalam kategori tanaman yang dipromosi sebagai penjana ekonomi. Mana-mana tanaman baharu yang diperkenalkan perlu melalui proses penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C)," katanya dalam sesi penggulangan usul dalam persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini.

Selain itu, Pengarahnya, Datuk Idrus Shafie juga berkata, pihaknya tidak pernah menerima sebarang makluman daripada agensi komponen Kuarantin Malaysia yang dianggotai Kementerian Pertanian dan kementerian di peringkat Sabah dan Sarawak untuk memberi kebenaran bagi membolehkan guarana dibawa masuk ke negeri tersebut.

"Kerajaan telah mengharamkan import tumbuhan dan benih guarana dari kawasan tropika Amerika itu kerana dikhuatiri membawa penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (SALB)," katanya.

## INFO

### GUARANA ATAU NAMA SAINTIFIKNYA 'PAULLINIA CUPANA'

- Sejenis pokok herba yang berasal dari negara Venezuela dan utara Brazil.
- Mempunyai 10'spesis.
- Mengeluarkan daun yang lebar, bunga berjambak dan buahnya sebesar biji kopi.
- Berfungsi sebagai perangsang sistem saraf pusat dan mengandungi dua kali kafein berbanding kopi.
- Di Brazil, produk yang dihasilkan adalah minuman berkarbonat, ais krim, kopi dan ekstra buah guarana.
- Di Malaysia, Jabatan Pertanian pernah melarang pengimportan biji benih tumbuhan ini kerana mempunyai penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (SALB).
- Ladang guarana terdapat di beberapa negeri termasuk di Sik dan Baling, Kedah; Bukit Mertajam, Pulau Pinang; serta Tanah Merah, Kelantan.
- Penanam guarana ini juga dijangka akan memasuki daerah Keningau, Tamparuli dan Kota Marudu, Sabah.
- Produk yang dihasilkan di Malaysia termasuk tepung guarana, minyak masak, teh, ubat kanser servik, kandungan dalam produk kecantikan dan minuman bertenaga.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	BERITA HARIAN	SENTRAL	68

# Dua bot nelayan tunda pukak luar zon ditahan

➔ Dua tekong warga Indonesia tiada permit kerja sah

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

► Pelabuhan Klang

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor menahan dua bot nelayan tempatan pada jarak kira-kira 2.8 batu nautika dari Sabak Bernam pada jam 2.30 pagi kelmarin, selepas dipercayai terbabit aktiviti menunda pukak di perairan berkenaan.

Pengarah Maritim negeri, Mohammad Rosli Kassim, berkata bot nelayan Kelas B terbabit ditahan bersama dua tekong warga Indonesia.

"Kedua-dua tekong berusia 39 dan 42 tahun itu tidak memiliki pengenalan diri yang sah, selain tiada permit kerja dikeluarkan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

## Langgar syarat lesen bot

"Mereka juga didapati melanggar syarat sah lesen bot berkenaan apabila menangkap ikan di kedudukan bawah lima batu nautika dari pesisir pantai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohammad Rosli berkata, selain penahanan dua bot terbabit, turut dirampas pelbagai jenis ikan dengan berat kese-



Mohammad Rosli Kassim

luruhan 115 kilogram.

"Bot terbabit diiringi ke Jeti Bagan Nakhoda Omar untuk siasatan lanjut mengikut Akta Imigresen 1959/63 serta Akta Perikanan 1985," katanya.

## Terima banyak aduan

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya banyak menerima aduan khususnya daripada nelayan tradisional berkenaan kegiatan 'tarik tepi' itu.

"Sikap tamak segelintir pengusaha bot nelayan dikhuatiri menjejaskan keseimbangan ekosistem dan mata pencarian nelayan tradisional yang hanya bergantung hidup di kawasan perairan bawah lima batu nautika.

"Jadi, kami tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pelanggaran syarat sah lesen dibenarkan," katanya.

# Padah tangkap ikan tanpa lesen

**Dua Lelaki  
Indonesia  
ditahan di  
perairan Sabak  
Bernam**

NOZINA YAHAYA

PELABUHAN KLANG

**A**ngensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor menahan dua lelaki warga Indonesia disyaki menangkap ikan tanpa lesen serta tiada dokumen pengenalan diri yang sah di perairan Sabak Bernam, kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, tangkap-

an hasil operasi yang dijalankan kira-kira jam 2.30 pagi pada jarak 2.8 batu nautika dari perairan berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati warga asing terbabit menggunakan dua bot nelayan tempatan dan sedang leka mengaut hasil tangkapan ikan ketika operasi dijalankan.

"Kita berjaya menahan dua bot tempatan kelas B bersama dua tekong warga Indonesia ketika sedang menunda pukat di perairan berkenaan.

"Lelaki berusia 39 dan 42 tahun ini tidak memiliki pengenalan diri yang sah serta permit kerja sebagaimana yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Meraka juga didapati



Bot nelayan tempatan kelas B ditahan bersama tekong di perairan Sabak Bernam pagi kelmarin kerana melanggar syarat sah lesen apabila menangkap ikan di bawah 5 batu nautika dari pesisir pantai.

Beliau berkata, kedua-dua bot tersebut ditahan dan ikan campur seberat 1.15 kilogram turut dirampas.

"Bot terbabit diiringi ke

**Maritim Selangor terima banyak aduan berkenaan kegiatan 'tarik tepi'**

nyak menerima aduan khususnya daripada nelayan tradisional berkenaan kegiatan 'tarik tepi' tersebut.

"Sikap tamak segelintir pengusaha bot nelayan itu dikhuatiri boleh menjelaskan keseimbangan ekosistem serta mata pencarian nelayan tradisional yang bergantung hidup hanya di kawasan perairan bawah 5 batu nautika," katanya.

Mohammad Rosli berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dan bertindak tegas diambil terhadap pihak melanggar syarat sah lesen yang dibenarkan.

info



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN / BH



**BH**  
Berita Harian  
MERENTAS GENERASI  
www.bharian.com.my

**EKSKLUSIF**

# LUMPUR SEKAT REZEKI NELAYAN

Ribuan nelayan di tiga negeri, iaitu Kedah, Perlis dan Terengganu teruk terjejas akibat muara sungai cetek dan berlumpur sehingga menyukarkan bot turun ke laut. Bukar sahaja pendapatan merosot, nyawa mereka turut terancam apabila bot berisiko bocor kerana terlanggar beting pasir → **Ms.12/13**



18/5/2019

BERITA  
HARIAN

EKSKLUSIF

12



Masalah ini perlu ditangani segera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan mengenal pasti penyelesaian, khususnya membina benteng pemecah ombak di kawasan kritikal”

**Hamid Bahari,**  
Pengerusi NEKMAT



Kerajaan perlu mempertimbangkan pembinaan benteng penahan ombak di kawasan laut terbuka untuk menyelesaikan masalah itu”

**Saad Hassan,**  
Nelayan Kuala Melaka



Masalah ketara waktu keluar ke laut kerana nelayan terpaksa bergantung kepada pasang surut air”

**Che Aziz Hassan,**  
Nelayan Kuala Teriang

# Muara cetek halang laluan bot

➔ Nelayan Kedah, Perlis, Terengganu paling teruk terjejas

Oleh Adha Ghazali, Suzalina Halid, Fahmy A Rosli dan Hamzah Osman  
bhnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

**M**uara sungai yang cetek akibat lumpur tebal serta beting pasir menyukarkan pergerakan keluar masuk bot ke pangkalan setiap hari hingga menjejaskan kehidupan nelayan sekitar Kedah, Perlis dan Terengganu.

Keadaan itu menyebabkan nelayan kawasan terjejas, terpaksa menunggu hingga air pasang tinggi, setiap kali mahir keluar atau masuk pangkalan masing-masing, bagi mengelak bot tersadai di lumpur atau terlanggar beting pasir.

Antara kawasan terjejas teruk dengan lumpur dan beting pasir itu ialah pangkalan nelayan di Dungun, Besut, Marang dan Paka di Terengganu; Kuala Sanglang, Kuala Kerpan, Kuala Kedah, Kuala Tunjung dan Langkawi di Kedah serta Kuala Perlis, Perlis.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Hamid Bahari, berkata masalah muara sungai cetek yang menghantui nelayan bukan sahaja menyebabkan pendapatan mereka terjejas, malah mengancam nyawa apabila bot

berisiko bocor akibat terlanggar beting pasir.

“Sudahlah pendapatan terjejas, golongan itu khususnya nelayan pantai Kelas A dan mereka yang menggunakan sampan juga terpaksa memperuntukkan ribuan ringgit setiap kali bot rosak akibat muara sungai cetek.

“Hasil mesyuarat bersama nelayan seluruh negara, kebanyakannya membuat aduan berhubung masalah muara sungai cetek ini khususnya di Terengganu, Kedah dan Perlis. Masalah ini bukan setakat membabitkan sungai yang besar tetapi turut membabitkan kebanyakan muara kecil.

“Masalah ini perlu ditangani segera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan mengenal pasti penyelesaian, khususnya membina benteng pemecah ombak di kawasan kritikal,” katanya kepada BII.

Hamid berkata, jika keadaan terbiar dibiarkan berterusan, pihaknya bimbang ramai nelayan tidak dapat turun ke laut sehingga menjejaskan bekalan ikan.

Katanya, masalah muara sungai cetek ini biasanya berlaku beberapa hari dalam tempoh sebulan, biasanya di antara jam 3 hingga 5 petang atau 7 hingga 8 malam, apabila tibanya keadaan air pasang dan surut.

Beliau berkata, kebiasaannya penyelesaian sementara diambil nelayan untuk mengelakkan masalah itu ialah berhijrah ke kawasan lain untuk memulakan ‘perjalanan’ ke laut atau menangguk rancangan ke laut.

Katanya, nelayan kawasan terjejas tiada pilihan kerana tidak sanggup menanggung kerosakan

bot mereka, khususnya bahagian kipas atau enjin setiap kali terlanggar beting pasir.

## Bot tenggelam

“Berdasarkan maklumat, ada kes bot nelayan yang hancur atau tenggelam sehingga mengancam nyawa mereka akibat kebocoran kerana terlanggar beting ketika muara cetek dan keadaan itu bertambah buruk apabila berlaku ribut,” katanya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu, Mat Yassin Mohamed, berkata muara sungai cetek menyebabkan nelayan negeri itu berdepan kemalangan setiap tahun, bukan setakat merosakkan kepada bot, malah mengancam nyawa sendiri.

Katanya, isu itu perlu diselesaikan melalui pembinaan benteng pemecah ombak seperti mana dilaksanakan di Kuala Terengganu dan Kemaman sebelum ini yang berjaya menyelesaikan masalah benteng berkenaan.

“Paling kritikal adalah di Dungun kerana tidak pernah dibina benteng pemecah ombak selain di Besut, Marang dan Paka yang memerlukan kajian semula terhadap benteng sedia ada.

“Masalah ini menyebabkan kami berdepan risiko kemalangan setiap tahun. Macam bot saya juga sudah tiga biji yang pecah akibat muara sungai cetek menyebabkan kami mengalami kerugian besar,” katanya.



Kerja mendalamkan muara sungai dilakukan bagi memudahkan nelayan tempatan ke laut.





[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]



Keadaan muara yang cetek akibat air surut di Kuala Teriang, Langkawi.



Bot nelayan tersadai tidak dapat ke laut akibat muara sungai cetek ketika air surut.

## Nelayan redah lumpur berdepan risiko enjin rosak

**Langkawi:** Lebih 2,000 nelayan pantai sekitar pulau ini mengaku sudah letih 'berperang' dengan lumpur yang menjadi punca muara sungai cetek setiap kali ingin keluar ke laut atau kembali ke jeti.

Justeru itu, kerajaan digesa mengambil tindakan lebih konkrit untuk menyelesaikan sepenuhnya masalah dihadapi, supaya mereka dapat bebas keluar masuk jeti sepanjang hari tanpa perlu risau dengan jadual pasang surut air.

Nelayan Kuala Melaka, Saad Hassan, 63, mencadangkan kerajaan mempertimbangkan pembinaan benteng penahan ombak di kawasan laut terbuka untuk menyelesaikan masalah itu.

"Kalau boleh, buat (benteng) bentuk C yang tertutup dari ombak, dengan pelantar disediakan untuk tambat bot. Memang kos tinggi sikit, tetapi berbaloi dan selamat untuk bot nelayan."

"Kalau nak korek (mendalamkan sungai) dulu pun pernah buat, tetapi masalahnya tak pernah selesai. Benteng untuk menahan air pun tak dibuat, jadi kesannya tak tahan lama kerana apabila datang ombak, selut masuk balik dan memenuhi laluan jeti," katanya.

Saad berkata, isu lumpur dan sungai cetek di Kuala Melaka diburukkan lagi dengan status sungai yang berada di atas tanah milik persendirian.

Rakannya, Ali Chik, 55, berkata masalah lumpur menyebabkan enjin rosak apabila ada nelayan meredah masuk ke jeti kerana tidak sanggup menunggu air kembali pasang.

"Bayangkan nelayan pulang menangkap ikan, tetapi tak dapat masuk ke jeti sebab air dah mulai surut. Apabila redah masuk, enjin bot rosak dimasuki lumpur dan kos sekali baik sampai beribu ringgit. Kami harap kerajaan dapat buat bagi elok

lalu masuk bot nelayan, biar kami semangat nak bekerja," katanya.

Nelayan Kuala Teriang, Che Aziz Hassan, berkata masalah ketara waktu keluar ke laut kerana nelayan terpaksa bergantung kepada pasang surut air.

### Keluar awal

"Kita ambil contoh nak keluar tangkap sotong, biasanya dalam jam 6 petang kami sudah sedia untuk keluar sebab tangkap sotong ni waktu malam. Masalah timbul apabila air surut jam 7 petang, jadi kami terpaksa keluar seawal 1 tengah hari lagi iaitu lima jam lebih awal untuk mengelak terkandas."

"Dengan meninggalkan bot di tengah laut sampai 5 jam, bayangkan apa akan jadi kepada bot kalau ombak besar datang dan ribut yang melanda. Keadaan ini memang selalu berlaku."

"Itu dilema kami sebagai nelayan...kalau tak keluar awal, kami terpaksa tunggu jam 10 atau 11 malam pula untuk air pasang. Kalau lewat begitu, baik kami tak payah keluar terus," katanya.

Pulau Langkawi mempunyai 17 muara sungai utama dengan 13 daripadanya menempatkan jeti nelayan. Secara keseluruhan pulau ini mempunyai 29 jeti nelayan.

Rekod JPS mengesahkan lapan muara yang menempatkan jeti nelayan pantai di pulau ini mengalami masalah mendapan ketara. Ia mendatangkan impak kepada operasi nelayan pantai khususnya ketika berlakunya air surut.

Lapan muara berkenaan ialah di Sungai Temoyong, Sungai Menghulu, Sungai Kelibang, Sungai Ranggut (Kuala Teriang), Sungai Kubang Badak, Sungai Kuah, Sungai Chenang dan Sungai Pengkalan Tapa, dengan jumlah nelayan pantai di semua lokasi hampir 1,000 bot.



Beting pasir di muara sungai sukarkan nelayan keluar masuk ke jeti.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	SINAR HARIAN	BISNES	43

## Agrobank turunkan BR, BFR

**AGROBANK** mengumumkan kadar pembiayaan yang terbaharu dengan pengurangan kadar asas (BR) kepada 3.6 peratus dan kadar pembiayaan asas kepada (BFR) kepada 6.75 peratus.

Keputusan itu berikutan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan Kadar Dasar Semalaman (OPR) diturunkan 25 mata asas iaitu daripada 3.25 peratus kepada tiga peratus.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Syed Alwi Mohamed Sultan, selaras dengan semak semula itu, kedua-dua BR dan BFR telah diturunkan sebanyak 25 mata asas berkuatkuasa 16 Mei 2019.

"Selain itu, kadar deposit juga turut diturunkan 20 mata asas untuk tempoh 12 bulan ke bawah dan 15 mata asas bagi tempoh 12 bulan ke atas berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

"Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan (IKP) dengan fokus utama untuk mengukuhkan sektor pertanian, penurunan ini dijangka memberi manfaat dengan kadar pembiayaan lebih rendah kepada usahawan tani untuk memaju dan mengembangkan perniagaan mereka dan dalam masa yang sama kadar keuntungan untuk pendeposit juga turut dijaga.

"Agrobank yakin penurunan ini membawa impak positif kerana akan wujudnya lebih peluang pembiayaan kepada usahawan agro dan ini turut membantu menaikkan pertumbuhan pembiayaan Bank.

"Bagi tahun 2019, Agrobank mensasarkan pertumbuhan pembiayaan sebanyak RM1.2 billion," katanya menerusi kenyataan.



Headline	80 paddy farmers gathered in protest against abused by rice trader		
MediaTitle	China Press		
Date	18 May 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	368 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,777



(适耕庄17日讯) 适耕庄米较商降低稻谷收购价, 并调升扣水率, 导致稻农收入减少约8.6%, 纷纷叫苦连天, 希望政府介入, 维持去年价格, 别让稻农收入受影响。

当地约80名稻农, 今日在适耕庄举行集会, 抗议米较商的做法。

集会召集人叶光华(71岁, 稻农)说, 目前是稻农收割

## 降低收購價 · 調升扣水率

# 80稻農集會抗議米較商

的季节, 然而今年来较商的稻谷收购价却仅每100公斤125令吉, 比去年的每100公斤135令吉少了10令吉, 且扣水率也增加1%, 从去年19%增至20%。

“如此一来一回, 稻农的收入比起去年会减少约8.6%, 以每10吨稻谷来计算, 去年可以卖得1万935令吉, 而今年的谷价和扣水率来说, 则只有1万令

吉, 少了935令吉。”

他指出, 适耕庄有4家米较商, 定价都相同, 他们的稻谷也不能卖给他州米较商, 只能卖给上述4家。

“据我们了解, 霹雳冷甲的米较商扣水率才17%。”

他指出, 虽然收购稻谷的成本少了, 但是却不见白米的价格调降。

冀政府介入保護利益



■叶光华

■适耕庄稻农不满米较商降低稻谷收购价, 却调升扣水率, 导致稻农收入减少约8.6%。

叶光华希望政府介入这次事件, 保护稻农们的利益。

“米较商虽是私人公司, 但他们也是需获得政府授权, 才能收购稻谷。”

他说, 现在政府为稻谷定的底价是

每100公斤120令吉, 然而这价格已经太低, 跟不上通胀。

他建议政府把稻谷底价, 定在每100公斤130令吉, 而扣水率则定在15%-16%左右。

他说, 适耕庄的国州议员也安排稻农在下周二与农业部对话, 届时他会反映稻农困境。



Headline	Protest from Sekinchan farmers		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	18 May 2019	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	447 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,623
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,868



适耕庄稻农不满米较商降低稻谷收购价，却调升扣水率，导致稻农收入减少约 8.6%。

## 米较商降收购价增扣水率 适耕庄80稻农抗议

(适耕庄 17 日讯) 适耕庄米较商降低稻谷收购价，并调升扣水率，导致稻农收入减少约 8.6%，不满的稻农群起抗议。

当地约 80 名稻农，今日在适耕庄举行集会抗议米较商的做法。他们对当地米较商降低稻谷收购价却增加扣水率的做法叫苦连天，并希望政府介入以维持去年价格，别影响稻农收入。

集会召集人叶光华（71 岁）披露，目前是稻农收割的季节，然而今年米较商的稻谷收购价却仅每 100 公斤 125 令吉，比去年的每 100 公斤 135 令吉少了 10 令吉。

“扣水率则增加 1%，从去年 19% 增至 20%。如此一来一回，稻农的收入比起去年会减

少约 8.6%。”

他举例，以每 10 吨稻谷米计算，去年可以卖得 1 万 935 令吉，而以今年的谷价和扣水率则只有 1 万令吉，少了 935

令吉。

他说，适耕庄有 4 家米较商，定价都相同，他们的稻谷也不能卖给他州米较商，只能卖给上述 4 家。

“据我们了解，霹雳冷甲的米较商扣水率才 17%。”

他说，虽然收购稻谷的成本少了，但是却不见白米的价格调降。

## 叶光华盼政府介入



叶光华

叶光华希望政府介入这次事件，保护稻农的利益。

“米较商虽是私人公司，但他们也是需获得政府授权，才能收购稻谷。”

他说，现在政府为稻谷定的底价是每 100 公斤 120 令吉，然而这价格已经太低，跟不上通胀。

他建议政府把稻谷底价，定在每 100 公斤 130 令吉，而扣水率则定在 15%-16% 左右。

他说，适耕庄的国州议员也安排稻农在下周二与农业部对话，届时他会反映稻农困境。



Headline	Sim to help on the farmers		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	18 May 2019	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	422 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,925



## 增强实力提高粮产 沈志勤誓助菜农发展

(淡边 17 日讯) 农业农基部副部长沈志勤强调，将竭力协助农友解决问题及保障他们的权益，确保充满挑战的 21 世纪，能增强竞争实力及提高农粮生产。

### 森甲菜农联会宴会

他说，而临严峻挑战的菜农日前通过总会在淡边召开的会员大会，向该部提呈 12 项议决案，该部会全力协助解决问题。

他于受邀为森甲菜农联合会在普里士那培智华小礼堂

举行庆祝 39 周年纪念、筹募购置新会所基金联欢宴及菜农交流会致词作上述谈话。

沈志勤因与元首开斋聚餐，而由其特别政务官陈斯伟代表演词；陈斯伟还代表宣布拨款 1 万令吉作为该会购置新会所基金。

全国菜农总会总会长陈苏潮批评希望盟政府漠视菜农权益，菜农更是陷入困境；首相敦马哈迪医生披露，我国在人口农植耗资 600 多亿令吉，因此，他促请政府探讨解决问题的方案，抑制外汇

流失。

他说，菜农多次准备给农业农基部提呈备忘录，但一直都未能成功，该会将会继续争取。

他还促请菜农关注政府设定的最新社险条例，还须据实呈报所得税，政府全力打击贪腐，各界不要瞒税。

森甲菜农联合会主席李源兴希望继续加强农友的融洽合作，发展菜业；该会迄今共筹获约 30 万令吉购置新会所基金，惟仍与 100 万的目标尚有一段距离，希望大家能够大力支持。

筹委会主席罗亚玛较早前致欢迎词。

大会赞助商 Advancia 公司董事经理蓝靖菁在场还移交 3 万令吉模拟支票，由李源兴



陈苏潮 (左二) 与理事将备忘录移交陈斯伟 (右三)；左起为蔡依斌、林仕伟及李源兴。

与署理主席黄满富接策。

陈苏潮、署理总会长林仕伟、总秘书蔡依斌、李源兴，提呈备忘录予陈斯伟，

要求转交给部长沙拉胡丁及沈志勤；森州行政议员威拉班的特别事务官陈启新均参与。



Headline	Galak rakyat guna kaedah penanaman dan penternakkan secara akuaponik		
MediaTitle	Sabah News Today (www.sabahnewstoday.com)		
Date	18 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	9	Readership	2
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Galak rakyat guna kaedah penanaman dan penternakkan secara akuaponik

Oleh Mohd Nazlie ZainulKOTA KINABALU: Kerajaan negeri mahu menggalakkan lebih ramai rakyat di negeri ini mengamalkan penanaman sayur-sayuran dan penternakkan ikan melalui kaedah akuaponik. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong pe...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	HARIAN METRO	DEKO TAMAN	65

# KREATIF JAGA TANAMAN

**DEKOTAMAN**

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN  
 TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 8269  
 E-MAIL: [lailahmetro.com.my](mailto:lailahmetro.com.my)

FOTO: MIMO / SRI KEMAS



**Aniza Zaimudin**  
[anizazaimudin@hmetro.com.my](mailto:anizazaimudin@hmetro.com.my)

Memasuki minggu kedua menunaikan ibadat puasa Ramadan, pastinya masing-masing sibuk membuat persiapan menyambut kedatangan Aidilfitri sama ada dari segi juadah hidangan, pakaian mahupun proses membersihkan kediaman.


Antara perkara penting yang perlu dipertimbangkan pemilik kediaman adalah langkah keselamatan sebelum pulang ke kampung masing-masing.

Ini turut merangkumi pengendalian dan penjagaan tanaman dalam pasu bagi memastikan ia kekal hidup segar sepanjang ketiadaan anda di rumah kelak yang turut menuntut kreativiti.

Faktor cuaca panas dengan suhu mampu mencecah 40 darjah Celsius turut menyumbang kepada amalan menitikberatkan penjagaan tanaman terutama dalam pasu.

Menurut Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Kompleks Pertanian Serdang, Muhamad Adli Salihin Samsudin, musim panas yang melanda negara hari ini bukan saja memberi kesan kepada manusia bahkan tanaman dalam pasu ataupun beg semaian.





# TEKNIK PENGAIRAN SENDIRI DICADANG

Antara kaedah pastikan tanaman dalam pasu dapat sumber air mencukupi sepanjang ketiadaan tuan rumah

## FOKUS

### DARI MUKA 05

"Berbeza dengan tanaman atau pokok yang ditanam berskala besar seperti di ladang atau kebun, tumbuhan di rumah yang ditanam di dalam pasu mengalami sedikit masalah ketika cuaca panas.

"Pergerakan akar tanaman dalam pasu ataupun semalan agak terhad boleh menjejaskan tumbesaran dan kesegaran pokok.

"Jadi, saya tidak menafikan dalam situasi hari ini (panas), berlaku peningkatan kos penjagaan pokok terutama membabitkan proses penyiraman.

"Selalunya kekerapan penyiraman hanya dua kali sehari, sama ada pagi atau petang. Namun, dalam keadaan panas kita perlu menyiram lebih kerap, sekurang-kurangnya tiga kali dengan kuantiti air yang banyak. Hal ini perlu dilakukan bagi memastikan pokok bunga dalam pasu mendapat bekalan air secukupnya.

"Antara pokok bunga dalam pasu yang menjadi kebiasaan ditanam di rumah adalah bunga kembang, bunga raya, bunga kertas, melati, jasmim dan tanaman herba termasuk kunyit, keasam serta pudina," katanya.

Penjagaan tanaman dalam pasu bukan sekadar dititikberatkan ketika cuaca panas bahkan ketika pemilik pulang ke kampung halaman sempena Aidilfitri atau mereka yang melancong dalam tempoh agak panjang.

Bagi memastikan ketahanan dan kesegaran pokok bunga dalam pasu, Muhamad Adli Salihin berkata, faktor penjagaan paling utama adalah penggunaan media tanah campuran bersesuaian.

"Nisbah terbaik bagi tanah campuran adalah 3:2:1 yang merujuk kepada penggunaan tanah atas diikuti bahan organik seperti baja dan akhir sekali, pasir, yang mampu mendorong proses tumbesaran pokok.

"Tanah atas ini boleh didapati di kedai dan selalunya ia menggunakan tanah jenis siri serdang dan siri bungor. Inovasi hari ini, pemilik tanaman boleh mendapatkan pelbagai jenis media tanah campuran yang diproses.

"Tanah campuran ini mempunyai struktur dan rongga yang baik dapat membantu proses pergerakan akar. Perlu diingatkan pokok bunga

atau apa juga tanaman yang kuat bergantung kepada kesihatan akar.

"Kedua, jadual penyiraman berkala menggunakan medium bersesuaian. Sebatang pokok sebenarnya memerlukan sekurang-kurangnya tiga hingga lima liter air bagi satu proses siraman.

"Pokok bunga kertas umpamanya memerlukan satu hingga dua liter air, bunga raya dan pokok pudung (dua hingga tiga liter), tanaman herba seperti tembaga suasa, kesom dan kunyit (tiga hingga lima liter).

"Suirder air mencukupi penting untuk memastikan pokok terus hidup dan masalah penyiraman timbul apabila musim perayaan atau bercuti yang memaksa kita meninggalkan rumah.

"Tip yang saya boleh sarankan adalah teknik pengairan sendiri menggunakan kreativiti betasaskan barangan kitar semula seperti botol minuman, tali mop, kayu dan paku.

"Teknik pengairan sendiri ini adalah idea paling baik bagi memastikan tanaman dalam pasu mendapat sumber air mencukupi sepanjang ketiadaan anda di rumah.

"Air yang diisi di dalam botol mineral akan memitis melalui tali mop atau sumbu berkenaan secara konsisten. Selalunya, kandungan botol air mineral 1.5 liter akan bertahan selama tiga hingga lima hari.

"Tanaman dalam pasu perlu 'disuap', jadi teknik ini sangat membantu mereka yang menghargai pokok yang ditanam.

"Selain itu, kaedah memanfaatkan barangan kitar semula juga dapat menjimatkan kos penjagaan tanaman dan kita juga dapat memelihara kelestarian bumi," jelasnya.

Berkongsi panduan ketiga, Muhamad Adli Salihin berkata, proses sungkupan yang menggunakan sabut kelapa, habuk papan dan daun kering berupaya mengekalkan kelembapan tanah dan menghalang pertumbuhan rumput.

Mengelakkan penggunaan sungkupan sintetik, beliau menjelaskan sungkupan semula jadi akan mengalami proses penguraian seterusnya menjadi bahan makanan buat tanaman dalam pasu.

Tegas Muhamad Adli Salihin, pemilik tanaman kadang-kala teruja bahawa sungkupan bukan berfungsi mengawal kelembapan bahkan ia adalah makanan semula jadi kepada pokok.

Selain itu, sebelum



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	HARIAN METRO	DEKO TAMAN	67



**PROSES**  
sungkupan  
bantu mengekalkan  
kelembapan tanah.

meninggalkan rumah, pemilik tanaman perlu membuang daun kering dan dahan yang rapuh atau patah kerana ia akan memberi gangguan terhadap proses penyerapan air oleh akar.

Mengulas mengenai tanaman dalam rumah, beliau turut menjelaskan ia perlu diletakkan di kawasan teduh di luar rumah sepanjang ketiadaan pemilik.

Meskipun ia adalah tanaman dalam rumah, pokok seperti *Dracena fragrans*, buluh palma dan *Ficus lyrata* masih memerlukan cahaya matahari serta oksigen di luar.

Menekankan aspek rekod pembajaan juga penting bagi memastikan tanaman memperoleh zat nutrien diperlukan, Muhamad Adli Salihin mengakui cara ini turut membantu pemilik mengetahui tempoh proses pembajaan seterusnya dengan lebih tepat.

Nasihat beliau sempena kedatangan Aidilfitri, pemilik tanaman perlu melakukan kaedah penjagaan secara konsisten, sistematik dan berkesan bagi mengekalkan kecerlaan tanaman meskipun mereka tiada di rumah.



**KEKALKAN** kecerlaan pokok bunga terpasu



**PENJAGAAN** perlu konsisten, sistematik, dan berkesan